ARCHBISHOP OF KUALA LUMPUR
(USKUP AGUNG KUALA LUMPUR)

528, Jalan Bukit Nanas, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 603-2078 8828/ 2078 5089/ 2072 6606 I Fax: 603-2031 3815
archbishop@archkl.org I www.archkl.org

Kepada Umat Tuhan,

Garis Panduan bagi Paroki-paroki yang mahu membuka pejabat dan kembali bekerja pada 4 Mei 2020

Salam Sukacita Tuhan kita yang sudah Bangkit!

Seperti yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri mengenai kelonggaran kawalan perintah pergerakan di negara ini untuk membolehkan perniagaan dan pejabat kembali bekerja pada 4 Mei 2020, kami juga ingin mengusulkan langkah-langkah berikut yang harus diambil bagi paroki yang membuka dan kembali bekerja:

1. Kakitangan pejabat - jika hanya ada seorang kakitangan dalam pejabat, pejabat itu boleh dibuka pada 4 Mei (atau pada tarikh lain yang dianggap sesuai oleh Paderi Paroki) dengan waktu kerja dan tugas seperti biasa. Sekiranya terdapat kakitangan tambahan, pastikan jarak sosial yang mencukupi harus dipatuhi dengan tegas atau jadual hari kerja alternatif mesti disediakan untuk kakitangan bagi menjaga penjarakan sosial.

2. Penyaman udara di pejabat paroki harus dimatikan pada waktu pejabat. Gunakan kipas dan buka tingkap bagi pengalihan udara.

3. Pembersih, pekebun, pembantu, tukang masak dan pekerja am boleh kembali bekerja tetapi pastikan penjarakan sosial diamalkan dengan tegas.

4. Semua kakitangan atau sukarelawan mesti menjalani pemeriksaan suhu jika bekerja di persekitaran tertutup. Pembersih tangan dan topeng muka harus disediakan. Kakitangan / sukarelawan mesti memakai topeng muka semasa waktu bekerja.

5. Surat dari Paroki harus diberikan kepada pekerja bagi tujuan keselamatan untuk melepasi sekatan jalan raya pihak berkuasa. (Templat dilampirkan).

6. Mana-mana kakitangan atau sukarelawan yang mempunyai tanda-tanda demam harus memberitahu paderi atau pegawai pejabat dan berada di rumah.

7. Individu (bukan dalam kumpulan) yang mempunyai alasan khusus dan terdesak untuk berjumpa paderi atau pegawai pejabat mesti membuat temu janji terlebih dahulu sebelum datang. Seboleh-bolehnya, jika masalah itu dapat ditangani dengan menghindari kontak fizikal, cara komunikasi alternatif harus digunakan - panggilan telefon, email, persidangan dalam talian. Pelawat yang mempunyai janji temu sebelumnya mesti diambil suhu, membersihkan tangan dan memakai topeng muka. Maklumat hubungan pelawat harus direkodkan untuk tujuan pengesanan jejak kenalan.

8. Pintu utama gereja harus ditutup dan hanya pengunjung yang telah membuat janji temu terlebih dahulu yang dibenarkan masuk.

9. Meskipun pejabat dibuka, tetapi kerajaan masih mengekalkan perintah kawalan pergerakan dalam aktiviti keagamaan termasuk Misa.

A. Semua Misa dan ibadat liturgi (kecuali pengebumian dengan mengikut garis panduan KPM dan MKN) adalah ditangguhkan sehingga ada ketetapan diumumkan.

B. Perhimpunan-perhimpunan lain di paroki (contohnya mesyuarat, pembentukan, kelas) kekal ditangguhkan sehingga ada pengumuman kelak.

C. Perhimpunan-perhimpunan KKD/KED (contohnya doa kelompok, acara kecil, rosary dsb) harus dielakkan demi menjaga penjarakan sosial.

D. Kami menggalakkan paroki yang memiliki kemampuan untuk mengadakan perjumpaan, kelas, doa, dan formasi melalui platform dalam talian.

E. Lawatan orang sakit di rumah untuk pelayanan sakramen boleh diteruskan tetapi dengan mengambil langkah-langkah keselamatan. Paderi boleh bertanya terlebih dahulu keadaan orang tersebut jika mempunyai gejala Covid-19; melawat dari rumah ke rumah dalam hari yang sama harus dielakkan.

Panduan-panduan di atas boleh diteliti semula dari masa ke masa selaras dengan update dan tambahan SOP dari pihak berkuasa.

Kami menyerahkan budi bicara kepada Paderi Paroki untuk memutuskan langkah-langkah selanjutnya yang tidak disebutkan di atas dan yang mungkin diperlukan oleh paroki masing-masing.

Mari kita terus melayani Tuhan dan umat kita sambil menjarak jarak sosial.

Semoga Tuhan memberkati kita semua dan yang tersayang dan marilah memohon perindungan dari Santa Perawan Maria dan Sto Yosef, pelindung pekerja.

Ditulis pada 1 Mei 2020
Pesta Sto Yosef pelindung Pekerja

Gembala anda dalam Kristus,



+ Yang Amat Mulia Reverend Julian Leow Beng Kim
Presiden Konferensi para Uskup Katolik Malaysia

+ Yang Amat Mulia Reverend Simon Poh, Uskup Agung Kuching
+ Yang Amat Mulia Reverend John Wong, Uskup Agung Kota Kinabalu
+ Yang Mulia Reverend Bernard Paul, Uskup Melaka-Johor
+ Yang Mulia Reverend Cornelius Piong, Uskup Keningau
+ Yang Mulia Reverend Sebastian Francis, Uskup Pulau Pinang
+ Yang Mulia Julius Dusin Gitom, Uskup Sandakan
+ Yang Mulia Joseph Hii, Uskup Sibu
+ Yang Mulia Richard Ng, Uskup Miri